SKIM PERKHIDMATAN
ARKITEK

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**KEJURUTERAAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	:	**J9, J10, J12, J13, J14**
TARIKH KUAT KUASA	:	**1 DISEMBER 2024**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina/Ijazah Sarjana dalam bidang Seni Bina dengan pengiktirafan Bahagian II oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

   (ii) berdaftar sebagai Arkitek Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,910.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Seni Bina)/Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA5, JA6, JA7 atau JA8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Arkitek Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau

   (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

   (b) had umur pelantikan:

   (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

   (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

   (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

4. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

5. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J10

6. Arkitek Gred J9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Arkitek Gred J10 yang kosong apabila telah:

   (a) disahkan dalam perkhidmatan;

   (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J12

7. Arkitek Gred J10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Arkitek Gred J12 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J13

8. Arkitek Gred J12 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Arkitek Gred J13 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;

   (c) keutamaan diberikan kepada pegawai yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf; dan

   (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J14

9. Arkitek Gred J13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Arkitek Gred J14 yang kosong apabila telah:

   (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

   (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;

   (c) keutamaan diberikan kepada pegawai yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf; dan

   (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

10. Arkitek Gred J14 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Arkitek yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2021 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2021).